

UJIAN DIAGNOSTIK
BAHASA MELAYU TINGKATAN 1 2024

BAHAGIAN A (10 MARKAH)

Soalan 1 hingga 8

Lengkapkan ayat-ayat di bawah dengan memilih jawapan yang betul.

1. Sudah _____ tahun lamanya, Pak Rahim bekerja di Belanda.
A berpuluh
B berbulan-bulan
C berpuluh-puluh
D berminggu-minggu

2. _____ remaja terlibat dengan gejala sosial kerana kurang perhatian daripada ibu bapa.
A Suku
B Separuh
C Setengah
D Sesetengah

3. Polis telah berjaya menangkap _____ orang penjenayah yang sangat dikehendaki itu.
A kedua
B dua-dua
C kedua-dua
D kedua-kedua

4. Baju pengantin itu dibuat _____ kain yang bermutu tinggi.
A daripada
B sejak
C dalam
D dari

5. Jangan mudah percaya _____ berita yang tidak tentu kesahihannya.
A akan
B kepada
C dengan
D tentang

6. Untuk mengatasi masalah kekurangan air di kawasan tersebut, air telah _____ oleh pihak berkuasa.
A dicatu
B dikawal
C dihadkan
D dibahagikan

7. Malek Maidin _____ nama sebagai lelaki pertama dari Asia Tenggara yang berjaya merenangi Selat Inggeris.
- A mengukir
 - B menempa
 - C menempah
 - D membentuk
8. Soalan-soalan yang dikemukakan oleh pengacara itu hanya untuk _____ akal para peserta.
- A memikir
 - B mencuba
 - C menduga
 - D merancang

Soalan 9 hingga 10

Ayat di bawah mungkin mengandungi kesalahan bahasa. Pilih kesalahan bahasa yang terdapat dalam ayat di bawah.

9. Para-para peserta diminta berada di padang pada pukul 3.00 petang.
- A Para-para
 - B berada
 - C pada
 - D Tiada kesalahan
10. Tempat itu dikhaskan oleh pelajar tahun pertama sahaja.
- A dikhaskan
 - B oleh
 - C pertama
 - D Tiada kesalahan

BAHAGIAN B (10 MARKAH)

Tulis **soalan** yang sesuai bagi ayat-ayat di bawah berdasarkan **kata tanya** yang diberikan dalam kurungan.

1. _____
Ibu menjumpai mutiaranya di bawah meja. (mana)

2. _____
Haziq mendapat tempat ketiga dalam pertandingan pantun. (berapa)

3. _____
Saya datang lewat kerana tayar basikal saya pancit. (mengapa)


4. _____
Penyanyi yang bersuara merdu itu ialah Aina Abdul. (siapa)

5. _____
Ibu saya masih lemah dan memerlukan bantuan saya. (bagaimana)

BAHAGIAN C (30 MARKAH)

C (i)

Lihat carta amalan hidup sihat di bawah dengan teliti. Tulis **ulasan** tentang carta berikut dalam bentuk perenggan. Panjang ulasan anda hendaklah antara **50 hingga 80** patah perkataan.



10 Markah

C (ii)

Bahagian ini mengandungi dua soalan. Jawab **satu** soalan sahaja. Panjang karangan anda hendaklah antara **80 hingga 120** patah perkataan.

Soalan 1

Atur cara
Karnival Keusahawanan
Sekolah Kebangsaan Aminuddin Baki
Rabu, 20 Januari 2024

8.00 pagi	: Kehadiran ibu bapa dan tetamu
8.30 pagi	: Ucapan Guru Besar
8.45 pagi	: Ucapan perasmian oleh Pengerusi PIBG
9.00 pagi	: Aktiviti karnival dimulakan
11.00 pagi	: Cabutan nombor bertuah
12.30 tengah hari	: Majlis Penutupan

Atur cara di atas menunjukkan perjalanannya Program Karnival Keusahawanan Sekolah Kebangsaan Aminuddin Baki. Berdasarkan atur cara di atas, tulis **laporan** tentang Karnival Keusahawanan di sekolah tersebut.

Tulis **laporan** kamu selengkapnya.

ATAU

Soalan 2

Stres ialah satu keadaan yang tidak selesa akibat tekanan yang boleh mengganggu tahap kesihatan mental dan emosi seseorang. Tulis sebuah karangan tentang **cara-cara mengatasi stres**.

20 Markah